

ZAKAT PENDAPATAN

*Wahai orang-orang yang beriman!
Belanjakanlah (pada jalan Allah)
sebahagian dari hasil usaha kamu
yang baik-baik, dan sebahagian dari
apa yang Kami keluarkan dari bumi
untuk kamu, Dan janganlah kamu
sengaja memilih yang buruk
daripadanya (lalu kamu dermakan
atau kamu jadikan pemberian zakat),
padahal kamu sendiri tidak sekali-
kali akan mengambil yang buruk itu
(kalau diberikan kepada kamu),
kecuali dengan memejamkan mata
padanya dan ketahuilah,
sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi
sentiasa Terpuji. "*
(Surah Al-Baqarah : Ayat 267)

ZAKAT HARTA :

Zakat harta boleh dibayar pada bila-bila masa. Kadar zakat harta ialah 2.5% dari jumlah harta. Ia bermaksud segala harta benda kita, 2.5% dari harta kita itu adalah bukan hak kita tetapi hak golongan 8 asnaf yang layak menerima zakat daripada kita.

Zakat harta wajib dikeluarkan kerana ia adalah satu jalan jihad kepada Allah dan Islam.



PERBEZAAN ZAKAT, SEDEKAH DAN CUKAI PENDAPATAN		
ZAKAT	SEDEKAH	CUKAI PENDAPATAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Wajib dikeluarkan apabila cukup syarat-syaratnya 2. kadar yang wajib dikeluarkan ditentukan oleh syarak 3. hanya harta tertentu sahaja yang diwajibkan zakat 4. diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya sebagaimana ditetapkan oleh syarak 5. dikeluarkan sekali dalam setahun 	<ol style="list-style-type: none"> 1. sunat dikeluarkan apabila mempunyai lebih daripada keperluan hidup 2. kadar atau jumlah yang dikeluarkan tidak ditentukan oleh syarak 3. sebarang harta yang halal 4. tidak ditentukan kepada golongan-golongan tertentu 5. bila-bila masa apabila ada lebih harta 	<ol style="list-style-type: none"> 1. harus dikeluarkan oleh orang yang cukup syarat ditetapkan oleh kerajaan 2. kadar atau jumlah ditentukan oleh kerajaan 3. cukai diambil daripada pendapatan yang diperoleh daripada pelbagai sumber 4. hasil kutipan diagihkan untuk keperluan rakyat dan Negara 5. dibayar sekali dalam setahun

Takrifan Zakat Gaji dan Pendapatan

Zakat Gaji dan Pendapatan termasuklah segala jenis hasil pendapatan atau pulangan sebagai balasan perkhidmatan yang berupa gaji, upah, bonus, dividen, hasil sewaan, royalti, hibah, elaun, honorarium, pampasan, pencen, perniagaan bermusim dan lain-lain bentuk perolehan semasa hidup, bersara atau mati dan apa jua pendapatan berdasarkan kerjaya atau sebagai ahli profesional.





Pendapatan penggajian merangkumi :-

- 1) Gaji tahunan
- 2) Tunggakan gaji
- 3) Pelbagai elaun
- 4) Lain-lain ganjaran seperti bonus dan sebagainya

Kewajiban Membayar Zakat

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima. Ianya diwajibkan ke atas tiap-tiap orang Islam yang cukup syarat-syaratnya. Rukun yang lain ialah Syahadah, Sembahyang, Puasa dan Haji ke Mekah. Zakat adalah diwajibkan ke atas Muslim yang layak untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Zakat mula diwajibkan pada tahun kedua Hijrah.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ
إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

QS:At-Taubah | Ayat: 103

SYARAT WAJIB ZAKAT

ISLAM Zakat yang diwajibkan ke atas orang Islam. Bagi perniagaan perkongsian orang Islam dengan bukan Islam hanya peratusan ekuiti orang Islam sahaja diambilkira untuk zakat.

MERDEKA Hamba abdi tidak wajib berzakat kecuali Zakat Fitrah. Walau bagaimanapun tidak timbul masalah hamba abdi masa kini tetapi syarat merdeka masih lagi dikekalkan sebagai satu syarat wajib.

SEMPURNA MILIK Milik sempurna bermaksud harta simpanan tersebut dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh masa kini tetapi syarat merdeka masih lagi dikekalkan sebagai satu syarat wajib.

CUKUP NISAB Nisab adalah paras nilai minimum yang menentukan samada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan zakat. Pada ketika ini di Malaysia, nisab ditentukan berdasarkan nilai emas bersamaan dengan 85 gram iaitu bergantung kepada harga emas semasa.

CUKUP HAUL Genap setahun harta itu disimpan iaitu 345 hari tahun Hijrah dan 365 hari bagi tahun Masehi.



Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan kewajipan/syarat zakat sila hubungi **Pusat Islam, UTeM**.

